

UPM kutip zakat lebih RM4 juta

KUALA LUMPUR 13 Okt. - Universiti Putra Malaysia (UPM) mencatatkan kutipan zakat sebanyak lebih RM4 juta sehingga September lalu manakala hampir RM7 juta wang wakaf berjaya dikutip universiti berkenaan sejak 2011.

Ketua Seksyen Pentadbiran, Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen UPM, Nuruliman Ibrahim berkata, daripada jumlah kutipan zakat berkenaan, sebanyak lebih RM1.6 juta telah diagihkan kepada warga UPM yang layak menerima bantuan itu.

"Menerusi kutipan wakaf yang diterima itu, UPM berjaya menjana hasil sebanyak lebih RM600,000 yang membolehkan lebih RM100,000 digunakan untuk membantu mereka yang memerlukan.

"Hasrat utama wakaf ilmu ini adalah untuk mewujudkan dana pendidikan yang bersifat jariah bagi membiayai keperluan generasi masa hadapan, termasuk penyediaan fasiliti dan prasarana bagi aktiviti keilmuan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi pembentangan bertajuk Wakaf Kita Masa Depan Bersama dalam program Wacana Zakat, Wakaf dan Cukai anjuran Fakulti Ekonomi dan Pengurusan bersama Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen di UPM, dekat sini hari ini.

Terdahulu, wacana berkenaan dirasmikan Ketua Jabatan Perakaunan dan Kewangan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusanannya, Dr. Amalina Abdullah.

Pengerusi jawatankuasa induk program wacana, Dr. Mohd. Naseem Niaz Ahmad berkata, program itu memberikan pendedahan terhadap konsep memberi harta ke jalan Allah melalui wakaf dan zakat serta konsep pengenaan cukai yang mempunyai tujuan tertentu.

"Islam mensyariatkan supaya harta yang dikurniakan untuk diinfakkan sebahagiannya ke jalan Allah," katanya.